

Ismail Sabri umum bersara?

Oleh **ASLINDA NASIR**

Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mengesahkan tidak memper-tahankan jawatan Naib Presiden UMNO pada pemilihan kali ini dijangka mengumumkan persaraannya dari politik 18 Mac ini. Bercakap kepa-



da *Utusan Malaysia*, sumber berkata, pengumuman itu akan dibuat pada Mesyuarat UMNO

Bahagian Bera, sekali gus turut akan melepaskan jawatannya sebagai Ketua UMNO bahagian Bera bagi memberi laluan kepada individu lain untuk memimpinnya.

Bagaimanapun, kata sumber, Ismail Sabri akan terus berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Bera sehingga habis penggal pada 2027.

“Be-
liau
(Is-

Jawatan sebagai ahli parlimen pun beliau kata ini adalah penggal terakhir dan beliau tidak mahu bertanding lagi, katanya ingin berehat.”

SUMBER

mail) dijangka umumkan persaraan pada 18 Mac ini, kita antara kawan-kawan sudah tahu mengenai perkara ini, cuma mungkin tunggu beliau buat pengumuman.

“Jawatan sebagai ahli parlimen pun beliau kata ini adalah penggal terakhir dan beliau tidak mahu bertanding lagi, katanya ingin berehat,” kata sumber ketika dihubungi semalam.

Sebelum membubarkan

Parlimen tahun lalu, Ismail Sabri menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri paling singkat dalam sejarah politik tanah air iaitu 14 bulan.

Beliau menggantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri ke-8 yang berkuasa selama 17 bulan.

Sepanjang pentadbiran Ismail Sabri yang bertemakan Keluarga Malaysia, Ahli Parlimen Bera itu telah membawa beberapa transformasi kepada bumiputera selain berjaya meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Anti Lompat Parti dan pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Malah di bawah pentadbiran Ismail Sabri juga, Malaysia berjaya beralih daripada fasa pandemik Covid-19 kepada peralihan endemik sekali gus menyaksikan pembukaan pintu sempadan dan kelonggaran pelbagai sekatan pergerakan.

Hajat Ismail Sabri untuk bersara jelas apabila beliau mengesahkan tidak mempertahankan jawatan yang disandang sebagai Naib Presiden selepas pusat pencalonan ditutup pukul 5 petang semalam.